

10 MAY 2001

Castro-Tiba

PRESIDEN FIDEL CASTRO TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

SEPANG, 11 Mei (Bernama) -- Presiden Cuba Fidel Castro tiba pagi ini untuk lawatan julung kali ke Malaysia atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Ketibaan Castro di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini disambut Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Pesawat khas dari Tehran yang membawa rombongan presiden Cuba itu mendarat pada kira-kira pukul 12.30 pagi. Pemimpin Cuba itu sebelum ini melawat Algeria dan Iran.

Lawatan tiga hari Castro ke Malaysia dibuat setahun selepas Persidangan Kemuncak Selatan (G-77) di Havana, Cuba pada April tahun lalu yang dihadiri lebih 60 pemimpin dan ketua kerajaan termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Upacara sambutan rasmi untuk Castro, 74, akan diadakan di Medan Parlimen hari ini dan ia akan dihadiri oleh Sultan Sallahuddin dan Dr Mahathir.

Castro yang memimpin Cuba sejak 1959, dijadualkan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Putrajaya sebelum menyaksikan upacara perjanjian dua hala antara kedua-dua negara.

Selain itu, Castro dijadual menyampaikan syarahan umum mengenai globalisasi anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur.

Beliau juga akan menghadap Sultan Salahuddin di Istana Negara sebelum diraikan pada jamuan malam negara.

Beberapa hari lepas, Dr Mahathir berkata beliau dan Castro akan membincangkan hubungan dua hala antara Kuala Lumpur-Havana, ekonomi dan isu-isu antarabangsa semasa lawatan itu.

Malaysia dan Cuba merupakan anggota G-77, sebuah pertubuhan yang mewakili negara-negara membangun dan dunia ketiga yang diasaskan pada tahun 1964.

Lawatan Perdana Menteri ke Cuba tahun lepas adalah yang kedua selepas 1997.

Cuba membuka pejabat di Kuala Lumpur pada 1998 manakala Malaysia membuka perwakilan tetapnya di Havana Mac lepas.

-- BERNAMA

AT MAM LAT